



# SG Digital




Kit Permulaan di  
merREWARDS

## TAHUKAH ANDA?

Anda boleh menggunakan meREWARDS pada bila-bila masa, di mana sahaja anda berada ketika anda Berbelanja, Makan atau dalam Perjalanan. Tebuskan kod promosi eksklusif dan Tawaran Makan 1 Percuma 1, khas untuk anda.



### LANGKAH 1 Muat turun aplikasi meREWARDS ke telefon bimbit anda


Sila ke **Apple App Store** , **Google Play Store**  atau **HUAWEI AppGallery**  untuk muat turun **aplikasi meREWARDS**. Kemudian, lancarkan aplikasi tersebut.


1. Untuk pengguna iOS, ketik 'Get' (dapatkan) untuk muat turun aplikasi.
2. Untuk pengguna Android atau HUAWEI, ketik 'Install' (pasang) untuk muat turun aplikasi.


### LANGKAH 2 Ciptakan akaun baru di meCONNECT

Anda boleh menggunakan akaun meCONNECT yang sama untuk kesemua perkhidmatan digital MediCorp.


Selain itu, anda juga boleh log masuk melalui akaun Apple, Facebook atau Google.



3. Sila tekan butang  di bahagian kiri atas untuk log masuk.




4. Tekan 'Log Masuk melalui meCONNECT' atau 'Cipta akaun baru di meCONNECT' untuk mengakses meREWARDS anda.




5. Nikmati Cashback dan 'Tempah meja' melalui aplikasi ini.


### LANGKAH 3 Mula Nikmati Kupon & Tawaran Makan 1 Percuma 1




6. Tekan 'Kupon' di halaman utama.




7. Pilih kupon yang anda ingin tebuskan.



8. Tekan 'Dapatkan Kod Kupon' untuk mendapatkan kod promo yang ingin ditebus melalui aplikasi ini.



9. Beberapa peniaga akan meminta anda untuk memasukkan kod 4 digit mereka.



10. Anda juga dapat menebus Tawaran Makan 1 Percuma 1 melalui aplikasi ini juga!

### Petua keselamatan siber (Penghargaan: Isi kandungan disediakan oleh MediCorp)

- **Jangan dedahkan** kata laluan anda kepada orang lain kerana ini boleh memberi mereka akses ke akaun dan maklumat peribadi anda tanpa kebenaran.
- Gunakan **kata laluan yang kuat** untuk mengelakkan penggunaan tanpa kebenaran.
- **Tukar kata laluan anda sekali sekala** untuk mengurangkan risiko gangguan pada akaun dalam talian anda.